

27/10/1999

Istana budaya milik bersama

Suhaimilua

ISTANA Budaya yang bernilai RM210 juta dicanang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 15 September 1999 adalah satu detik bersejarah bagi insan seni di Malaysia untuk menggarapkan persembahan yang bertaraf antarabangsa. Tidak hairanlah Istana Budaya antara sepuluh panggung terbesar dan terbaik di dunia.

Memetik ucapan Perdana Menteri, "Sesuatu bangsa itu tidak menjadi besar hanya dengan pencapaian kemajuan material semata-mata. Sesuatu bangsa itu menjadi besar, dihormati dan disanjung oleh bangsa lain kerana tinggi budi dan pekertinya. Bangsa itu harus mempunyai ciri-ciri seni dan budaya serta estetik yang halus, indah dan mulia". Begitu besar harapan Perdana Menteri kita terhadap golongan seni di Malaysia.

Keributan bicara tentang Istana budaya tercetus apabila pementasan sulung mereka "Keris Sang Puteri" arahan Datuk Rahim Razali gagal memanfaatkan teknologi canggih yang ada di Istana Budaya. Kemunculan teater Rubiah arahan Ahmad Tarmimi Saregar lebih baik, tetapi menampilkan teknik yang streataip. Penulis berkesempatan menemui beberapa orang yang mencintai dunia teater tanah air untuk mendapat pandangannya.

Zahari Hamzah, aktivis teater dan turut terbabit dengan teater `Keris Sang Puteri' menyokong pandangan pereka tari terkenal, Datin Azanin Ahmad (Berita Harian: 5 Oktober 1999) mengatakan mengambil tenaga profesional adalah wajar. Ini tidak bermakna kita terlalu bergantung kepada mereka. Orang Melayu seharusnya belajar teknik pengendalian pentas dengan baik bukannya menjadi boneka.

Beliau juga mengakui memandangkan pementasan sulung, jadi banyaklah kesilapan dibebankan ke atas bahu produksi. Beliau merujuk kepada kenyataan Ketua Pengarah Istana Budaya, Sufiat Mokri (Berita Harian: 9 Oktober 1999) membandingkan kemampuan dengan kecekapan Pembukaan National Theater Jepun yang sempurna kerana kajian telah dibuat bertahun-tahun. Persoalannya kenapa kita tidak mengambil pengajaran daripada peristiwa tersebut? Kita bukannya peneroka yang ulung dan bukan orang pertama yang mencuba teknologi sedemikian. Kita kaji kelemahan kenapa pentas yang bergerak berbunyi? Tegasnya mengakhiri pendapatnya tentang Istana Budaya yang gah itu.

Robima Melayu, seorang pengkritik teater tanah air, berpendapat persoalan utama ialah Istana Budaya kurang berkemampuan untuk mengendali teknologi canggih dan kelihatan kurang bersedia. Oleh itu, teater Keris Sang Puteri dan Rubiah hanya melibatkan keluar masuk sahaja. Sepatutnya Istana Budaya mampu menghasilkan teknik yang luar biasa seperti ombak, tasik, gempa bumi dan sebagainya.

Menurut beliau lagi, Istana Budaya seolah-olah tidak mempercayai golongan muda untuk mementaskan teater. Apa kurangnya Fauziah Nawi, Aminah Raffor, Hamzah Tahir, Mazlan Tahir, Rosminah Tahir, Siti Rohayah Attan dan Roslee Mansor sehingga tidak memberi peluang kepada mereka? Pihak Istana Budaya sepatutnya mencuba bakat baru kerana generasi inilah yang akan meneruskan perjuangan teater negara. Keseimbangan perlu ada di antara penggiat teater veteran dan muda.

Hartini Kassim, pelajar tahun 3 Seni Lakon, Universiti Sains Malaysia berpendapat kelemahan pengurusan membezakan mana aspek artistik dan pentadbiran. Sebagai contoh pengurusan tiket. Istana Budaya hanya membuka kaunter tiket dua hari sebelum persembahan. Ini menyukarkan penonton yang berada di Kuala Lumpur. Sepatutnya pihak Istana Budaya menyediakan

kalendar yang penuh dengan harga tiket, jenis persembahan tajuk serta sinopsis cerita (Kalendar yang ada tidak lengkap). Beliau mengambil contoh beberapa aktiviti seni di sebuah panggung di KLCC sudah dijual tahun lepas lagi. Beliau juga menyarankan Istana Budaya mewujudkan jawatan Event and Concert yang bertanggungjawab mengenai promosi dan aturcara sahaja.

(END)